

Demonstrasi pertanian tarikan Pesta Konvo UPM



KUALA LUMPUR 1 Nov. - Demonstrasi pertanian merupakan antara tarikan utama pengunjung ke Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Ke-39 Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berlangsung di Bukit Ekspo, UPM bermula Jumaat lalu hingga 4 November ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kecil Demonstrasi Pertanian, Abdul Ghaffar Othman berkata, sejak ekspo tersebut dianjurkan, program berkenaan mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutamanya dalam kalangan suri rumah dan pesara.

Katanya, aktiviti itu memba-bitkan beberapa pakar dalam bidang tersebut yang akan mengajar teknik-teknik penanaman pokok, pembiakan dan pembajaan dengan menggunakan cara yang betul dan secara moden.

"Sepanjang dua hari ini, kami melihat ramai yang datang ke gerai pameran bagi melihat secara langsung cara-cara menanam pokok serta mendapatkan nasihat pertanian di sini.

"Malah, apa yang membezakan aktiviti sebegini dengan ekspo-ekspo pertanian yang lain adalah kami akan membuat demonstrasi teknik penanaman dari awal. Ada juga interaksi antara pengun-



PENOLONG Pengurusan Jenama Kumpulan Utusan, Hazura Ahmad Halil (kanan) membunyikan hon pelepasan peserta cabaran *explorace* sempena Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia 2015 (UPM) dengan kerjasama Kumpulan Utusan di Bukit Ekspo UPM, Kuala Lumpur, semalam.

jung dengan penceramah yang mengendalikan sesi aktiviti itu," katanya ketika ditemui di Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen tersebut hari ini.

Dalam pada itu, pelbagai program seperti pengenalan jenis pokok buah-buahan dan penjagaan, pembiakan tanaman pokok buah (cantuman, tut, baji) seni pen-

jagaan pokok kecil seperti bonsai, penanaman sayur secara 'growbeg' dan vertikal menggunakan bahan buangan, diajar sepanjang pengang-juran ekspo berkenaan.

Selain itu, program hiasan flora dan fauna dalam akuarium, penyediaan baja organik ringkas, penyediaan bahan herba mandian, semaian sayur secara

biji benih dan kaedah tanaman menggunakan keratan atau tampang, penanaman secara ferti-gasi dan hidroponik ringkas, pemasuan semula dan pembiakan pokok hiasan, pencegahan perosak atau penyakit secara botanikal dan penanaman Topsy Tipsy turut disediakan kepada orang ramai.